

Sistem yang ada sudah cukup siasat kes Azam

Tidak perlu badan bebas - PM

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusan.news@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, tiada keperluan menubuhkan satu badan bebas untuk menyiasat kes berkaitan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPM) Tan Sri Azam Baki.

Perdana Menteri berkata, sistem yang ada sudah cukup untuk menjalankan siasatan terhadap kes itu dan biarlah siasatan dilakukan terlebih dahulu.

Katanya, SPRM mempunyai tatacara tersendiri mengendalikan kes menerusi siasatan dalaman, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR).

“Suruhanjaya Sekutiri Malaysia (SC) juga sedang menjalankan siasatan jadi, tunggu keputusan yang dibuat. Kalau ada siasatan lain oleh polis dan sebagainya, kita tunggu siasatan (selesai).”

“Kita tidak boleh membuat andaian sendiri dan meletakkan Azam seolah-olah telah didapati bersalah. Itu tidak wajar sebab semua orang berhak membela diri masing-masing semasa siasatan dijalankan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan kepada mangsa banjir di Kota Marudu, semalam.



ISMAIL Sabri Yaakob bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah & Sarawak) Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Kota Marudu, Sabah, semalam.

Ismail Sabri turut menolak andaian kerajaan berdiam diri dan tidak mengambil tindakan terhadap kes tersebut.

Menurutnya, SPRM ditubuhkan menggantikan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) yang dahulu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana tidak mahu kerajaan terutama Perdana Menteri campur tangan.

“Sekarang mereka nak saya campur tangan pula jadi, saya harap kita kena konsisten de-

ngan apa kita lakukan.

“Kalau kita kata SPRM sebuah badan bebas supaya tiada campur tangan secara langsung daripada kerajaan terutama Perdana Menteri jadi, biarlah prinsip itu kita kekalkan.

“Namun, saya sendiri memberi jaminan bahawa saya tidak akan berkompromi jika ada isu berkaitan dengan salah laku sesiapa sahaja. Walau bagaimanapun, kita mesti berlaku adil kepada sesiapa pun supaya se-

lesai proses siasatan, baru kita membuat keputusan,” katanya.

Katanya, buat masa ini tiada keperluan untuk Azam direhatkan kerana siasatan belum membuktikan dia bersalah.

Jelas beliau, apa pun tindakan yang diambil tidak boleh bersifat berat sebelah dengan meminta Azam Baki direhatkan namun, semasa kes bekas Ketua Menteri Pulau Pinang tiada yang bising meminta dia direhatkan.